

Headline	Masyarakat luar bandar tidak akan diabai: Kenny		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 181
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 543



Masyarakat luar bandar tidak akan diabai: Kenny

INANAM: Kerajaan Negeri tidak akan mengabaikan masyarakat di kawasan luar bandar, Ahli Dewan Undangan Negeri Inanam Kenny Chua memberi jaminan.

Kataya, pelbagai program dan perkhidmatan disediakan untuk masyarakat luar bandar bagi memastikan mereka dilibatkan dalam pembangunan arus perdana. Katanya, menerusi program dan perkhidmatan yang dilaksanakan di akar umbi, kerajaan mendengar cabaran yang mereka hadapi.

“Salah satu program itu adalah Karnival DUN N13 yang kita adakan hari ini di mana kita membawa masuk pelbagai agensi kepada ke komuniti di sini,” katanya di Kg Talungan di sini, pada Isnin.

Ucapannya disampaikan oleh Pemimpin Pembangunan Masyarakat Inanam Abd Latif Mopuas.

Agensi itu adalah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Jabatan Kesihatan, Jabatan Penerangan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Jabatan Perkhidmatan Kebajikan, Suruhanjaya Pilihan Raya dan Lembaga Pelancongan Sabah.